

## PENDAHULUAN

Pentadbiran Agama Islam di Pahang telah bermula lebih dari enam abad yang lalu. Pada tarikh yang sebenar dapat ditentukan berkenaan dengan kenyataan ini. Para sejarawan hanya dapat berpegang kepada sumber (maklumat) yang menandakan secara umum bahawa sistem pentadbiran Agama Islam di Pahang bermula setelah Melaka menjadi pusat penyebaran Agama Islam.

Selepas kedatangan Inggeris dan sempurnanya di dalam pemerintahan negeri, Undang-undang Islam mula disempitkan dan terpeka pada undang-undang diri dan keluarga sahaja. Sebuah Majlis telah diberi kuasa untuk mentadbir berkenaan dengan Agama Islam dan Adat Resam Melayu di Negeri Pahang. Tugas utama badan ini adalah untuk menasihati sultan (Ketua Agama Negeri), dalam hal ehwal agama dan adat Melayu. Menerusi badan ini kemudiannya, ditubuhkan satu jabatan (Jabatan Agama Islam Pahang) untuk membantunya mentadbir dan menguruskan hal pentadbiran Agama Islam termasuk melaksanakan Undang-undang Islam yang terkandung di bawah peruntukan enakmen negeri.

Semasa pihak Inggeris memberi kemerdekaan kepada anak watan untuk mengambil alih pentadbiran negara ini, mereka telah menggubal satu undang-undang dasar negara yang dikenali sebagai

Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang ini merupakan yang tertinggi sekali untuk pentadbir keseluruhan negeri-negeri di negara ini, termasuk dalam hal pentadbiran Agama Islam. Peruntukan berkenaan dengan pentadbiran agama yang diletakkan di dalam jadual kesembilan perlembagaan ini, yang menyerahkan pelaksanaannya kepada kerajaan negeri. Oleh sebab itulah kenapa tidak pernah wujud satu pentadbiran yang selaras, berkenaan dengan Agama Islam di antara negeri-negeri di Malaysia.

Sepertimana di negeri lain, pentadbiran Agama Islam di negeri Pahang tertakluk di bawah peruntukan enakmen yang digubal oleh Paden Perundangan Negeri. Walaupun kebebasan diberikan kepada kerajaan negeri untuk membuat peruntukan atau peraturan tersendiri mengenai hal ehwal Agama Islam, namun begitu peruntukan tersebut mestilah tidak bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Justeru itu, biar pun negara ini sudah lama diberi kemerdekaan dan pelbagai pindaan telah dibuat terhadap enakmen, untuk mengesahkan pentadbiran Agama Islam di Negeri Pahang, namun pengaruh Undang-undang Inggeris masih terus dirasai hingga ke hari ini. Sebab utamanya adalah kerana kerajaan Malaysia masih mempertahankan pelaksanaan perlembagaan yang berasal dari Undang-undang Inggeris.

## Nataliah Rajian

Sejarah merupakan pengetahuan yang kurang diambil perhatian oleh kebanyakan rakyat di negeri ini. Sehubungan dengan ini, penulis, menerusi kertas kerja ilmiah ini, telah cuba mengkaji dan menyingkap tatapan sejarah berkenaan dengan pentadbiran Agensi Islam negeri, untuk dijadikan bahan pengetahuan kepada rakyat Malaysia dan khususnya kepada para pelajar keseluruhannya.

Di samping kertas kerja ini bertujuan untuk menyempurnakan keperluan mendapatkan ijazah Sarjana Muda Syariah, ia juga berguna untuk mengetahui keadaan sebenar berhubung dengan pentadbiran Agensi Islam di Negeri Pahang khususnya.

Selain daripada itu, pengetahuan terhadap sejarah perkembangan Agensi Islam di negeri ini amat penting kepada condition Islam termasuk ahli undang-undang dan alim ulama' khususnya, untuk mencari jalan penyelesaian dalam usaha meningkatkan pelaksanaan Undang-undang Islam di sini dan di Negara Malaysia lainnya.

## Ridang Rajian

Rajian ini dibuat dalam skop negeri, iaitu melihat kepada sejarah pentadbiran Agama Islam di negeri Johang. Walaupun demikian, penulis terpaksa sedikit sebanyak, melihat kepada skop pentadbiran negara Malaysia. Ini adalah kerana, pentadbiran Agama Islam di negeri ini masih tertekuk di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam usaha menaipkan rajian ini, penulis lebih menumpukan perhatian dengan perlembagaan enakmen-enakmen yang digunakan untuk mentadbir Agama Islam di negeri ini. Tindakan ini bersekutu supaya dapat diryatakan secara jelas kadar manakah kuasa-kuasa yang diberikan kepada badan tertentu untuk mentadbir hal ehwal agama dan melaksanakan perundangan Islam.

## Metodologi Rajian

Dalam masa penyelidikan ini dilangsungkan, penulis menggunakan dua cara atau method untuk mendapatkan maklumat, iaitu:

- a/ Rajian Perpustakaan (Library Research), dan
- b/ Rajian Luar (Field Research).

## a/ Rajian Perpustakaan

lebih daripada lima puluh peratus penyelidikan kertas kerja ilmiah ini dilakukan menerusi cara kajian perpustakaan. Walaupun kebanyakan dari sumber ini merupakan sumber secondary, ia amat berguna untuk mengatasikan maklumat. Kesandainya penulis mencorbankan diri dalam penulisan sejarah, maka sudah tentu terlalu sukar untuk mendapatkan sumber primary dari destinasi itu. Oleh itu sumber secondary tersebut terpaksa digunakan menggantikan.

### Kajian Luar

Sebelum membuat kajian luar, penulis cuba mendapatkan maklumat dari Majlis dan Jabatan Agama Islam, Mahkamah Kadi Daerah Muantan dan pejabat Penasihat Undang-undang Negeri. Selain daripada itu, penulis juga menggunakan cara temui dengan beberapa tertentu seperti Setiausaha Kaji dan Pegawai Pendidikan Agama Pahang. Keseluruhan daripada maklumat yang didapati dari kajian luar ini adalah mengenai pentadbiran Agama Islam Pahang sekarang ini.

### Sistematika Penulisan

Penulis telah membahagikan penulisannya kepada lima fasal

yang berkaitan dengan tajuk yang ditaji. Dalam fasal pertama, penulis cuba menyingkap kenyataan-kenyataan yang menerangkan secara ringkas mengenai sejarah Negeri Pahang sebelum kedatangan Islam. Rujukan yang dinyatakan di sini adalah dari sudut kepercayaan dan agama yang dianuti oleh penduduknya. Kemudian penulis cuba pula meninjau tarikh kedatangan Agama Islam ke negeri ini serta dari mana ia datang.

Fasal kedua kertas kerja ini membincangkan berkenaan dengan pentadbiran Agama Islam Negeri Pahang di zaman penjajahan British. Penulis telah menerangkan tentang latarbelakang pentadbiran hal ehwal Agama Islam di masa sebelum dan selepas campurtangan Inggeris di negeri ini. Di akhir fasal ini, penulis telah memperlihatkan sejarah penubuhan badan pentadbir Agama Islam iaitu Majlis dan Jabatan Agama Islam serta badan pelaksana Undang-undang Islam iaitu Mahkamah Syariah.

Dalam fasal ketiga, telah menyingkap mengenai pentadbiran Agama Islam Pahang selepas kemerdekaan. Pembincangan dimulakan dengan menerangkan peruntukan enakmen tahun 1956 dan pindaannya. Selanjutnya, penulis telah menerangkan organisasi serta peranan badan-badan pentadbir hal ehwal Agama Islam termasuk struktur dan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Di akhir fasal ini, penulis telah menerangkan mengenai

peruntukan pentadbiran Agama Islam yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah tajuk Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Di sini dapat dilihat kuasa Perlembagaan Persekutuan terhadap undang-undang dasar negara yang mengawal undang-undang negeri termasuk Undang-undang Islam di bawahnya.

Selaras itu, penulis telah melihat pula mensesi pentadbiran Agama Islam Pahang bermula dari dekad 80an hingga dasawarsa ini di dalam fasal yang keempat. Pentadbiran Agama Islam, struktur organisasi badan pentadbir dan hidayaturrahman yang diberikan khususnya kepada Mahkamah Syariah adalah diterangkan menurut peruntukan enakmen yang diperkenalkan pada tahun 1987 dan pindaannya pada tahun 1987. Kemudian, di akhir fasal ini, penulis telah membuat suatu kesimpulan menyeluruh terhadap pentadbiran Agama Islam mengikut peruntukan enakmen yang bermula dari fasal ketiga iaitu di zaman selepas merdeka hingga ke akhir dekad kelapan puluhan.

Di dalam fasal yang terakhir, penulis telah merumuskan masalah-masalah yang menghalangi pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia. Penulis terpaksa membincangkan masalah-masalah dalam skop negara, bukannya negeri, adalah kerana berpegang kepada perincian bahawa undang-undang negeri termasuk Undang-undang Islam tertekuk di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutu-

an yaitu undang-undang dasar negara.

Kemudian, penulis juga mengusulkan cadangan-cadangan yang dapat membantu menyelesaikan persoalan untuk serjaidikan Undang-undang Islam sebagai undang-undang dasar negara, bukan lagi serjal undang-undang cadangan yang direruntukkan oleh perlembagaan kepada kerajaan negeri.

WASSALAM

Mohd Rusden Meehan  
Fakulti Syariah  
Akademik Islam, U. M.